

E-BULETIN  
EDISI  
2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# LOEROESKAN SEBOETAN ANDA

***Shahrul Amri***

***Ab Wahab***

*Fakulti Pengurusan dan  
Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau*

Beberapa tahun lalu saya pernah menulis satu artikel dalam buletin dalaman FPP UiTM Cawangan Perlis yang objektifnya persis seperti artikel ini, cuma saja artikel tersebut dikarang dalam Bahasa Inggeris. Namun setelah menimbang peristiwa yang mengambil tempat beberapa minggu sudah dan juga capaian artikel lama yang terhad, maka saya fikir ada baiknya saya bentangkan kembali poin-poin yang saya muatkan dalam makalah terdahulu (dengan sedikit penambahan).

Peristiwa yang saya maksudkan dalam perenggan di atas ini adalah Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman dengan Universitas Hasyim Asy'ari – yang membuatkan saya sedar bahawa masih ramai yang kurang tahu berkenaan sistem ejaan lama Bahasa Indonesia, juga beberapa singkatan dalam Bahasa tersebut.

Sebermula, harus diketahui bahawa konvensyen ejaan rumi Bahasa Indonesia telah melalui tiga fasa semenjak tahun 1901, dimulai dengan Ejaan Van Ophuijsen yang digunapakai sehingga tahun 1947. Sistem Ejaan Van Ophuijsen seterusnya diganti dengan Ejaan Soewandi yang digunakan sehingga 1972 sebelum Bahasa Indonesia menerimapakai sistem EYD (Ejaan Yang Disempurnakan) - yang berkongsi konvensyen ejaan yang sama dengan Bahasa Malaysia kini.

Sebelum saya lanjutkan, perlu diingatkan bahawa Indonesia dahulu dijajah oleh Belanda, dan kerana itu Sistem Ejaan Van Ophuijsen serta Soewandi mengikut cara ejaan dalam Bahasa Belanda yang sedikit berbeza. Bahkan sehingga sekarang inipun sebutan huruf A,B,C hingga Z dalam Bahasa Indonesia mengikut sebutan Bahasa Belanda, meskipun ejaannya sudah serupa dengan ejaan kita di Malaysia.

Antara ejaan Soewandi yang berbeza ialah 'tj', 'j', 'dj', 'oe', 'ch', dan 'sj'. Contohnya, sekiranya anda pernah membaca berita tentang mantan Gabenor Jakarta yang digelar Ahok, anda pasti tahu nama penuhnya ialah Basuki Tjahaja Purnama. Namanya yang di tengah itu mungkin kelihatan sukar disebut, tetapi hakikatnya sebutan 'Tjahaja' itu adalah sama sahaja dengan 'Cahaya'.

Ringkasnya, bunyi 'tj' dalam ejaan Soewandi adalah seperti 'c' dalam Bahasa Malaysia, manakala bunyi 'j' seperti 'y', 'dj' seperti 'j', 'oe' seperti 'u', 'ch' seperti 'kh' atau bunyi ha pedas (ح), dan 'sj' sama seperti 'sy' atau 'sh'. Ayat '*lagu keroncong yang Hamid cipta untuk Sharifah*' jika dieja mengikut piawai Ejaan Soewandi ialah '*lagoe krontjong jang Chamid tjipta oentoek Sjarifah*'.

Ejaan Soewandi di atas walaupun tidak lagi digunakan dalam keadaan biasa, masih ada ibu bapa yang menggunakan ejaan tersebut untuk nama anak mereka meskipun anaknya lahir dalam era EYD. Misalnya, jika saya dilahirkan di Indonesia dan ibu bapa saya ingin menggunakan ejaan Soewandi, nama saya yang di-Soewandi-kan akan menjadi Sjahroel Amri.

Di samping ejaan lama yang tidak sama, terdapat juga beberapa singkatan Bahasa Indonesia yang berbeza seperti H., KH., dan Drs. Singkatan 'H.' bermaksud 'Haji' (atau Hj), manakala KH. ialah Kiyai Haji. Drs. pula disebut Doktorandus – gelaran yang diberikan kepada mereka yang mempunyai ijazah Sarjana atau Master (atau S2 dalam istilah Indonesia), walaupun gelaran tersebut tidak lagi diberikan oleh kebanyakan IPT Indonesia sekarang ini. Seperti yang mungkin anda telah jangka, gelaran Drs. itu juga diwarisi daripada sistem pendidikan Belanda.

Semoga kita semua dapat meluruskan sebutan kita apabila berkomunikasi dengan rakan sejawatan dari Indonesia selepas ini, dan diharapkan tiada lagi insiden tergeliat lidah dan minda apabila cuba menyebut nama-nama orang Indonesia yang kelihatan 'aneh' di masa hadapan.